

HIRUDOID FORTE CREAM[®]

Mucopolysaccharide polysulphate (445mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hirudoid forte cream
2. Bagaimana Hirudoid forte cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hirudoid forte cream
4. Cara menggunakan Hirudoid forte cream
5. Semasa menggunakan Hirudoid forte cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hirudoid forte cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Hirudoid forte cream

Hirudoid forte cream digunakan sebagai rawatan topikal untuk kecederaan tumpul (trauma) dengan atau tanpa lebam, keradangan urat dan pembekuan darah dalam urat serta keradangan urat varikos. Hirudoid forte cream juga membantu untuk mengurangkan kebengkakkan.

Bagaimana Hirudoid forte cream berfungsi

Mucopolysaccharide polysulfate iaitu bahan aktif dalam Hirudoid forte cream mengurangkan pembentukan darah beku, mengelakkan pembekuan darah daripada membesar dan melegakan keradangan.

Sebelum menggunakan Hirudoid forte cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Hirudoid forte cream tidak boleh digunakan jika anda mempunyai hipersensitiviti (alahan) terhadap apa-apa bahan kandungan produk.

Hirudoid forte cream tidak boleh digunakan untuk luka terbuka atau kulit tercedera.

Mengandung dan menyusukan anak

Kajian setakat ini mendapati penggunaan topikal *Mucopolysaccharide polysulfate* di kalangan wanita hamil dan menyusu tidak menunjukkan sebarang kesan buruk pada anak dalam kandungan atau bayi.

- Sebelum menggunakan Hirudoid forte cream

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami alahan kepada sebarang ubat-ubatan, makanan, bahan-bahan, pengawet atau bahan pewarna.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Hirudoid forte cream

- Berapa banyak harus digunakan

Hirudoid forte cream digunakan pada kawasan yang terlibat. Bergantung kepada saiz kawasan yang dirawat, panjang 3 hingga 5 cm krim biasanya mencukupi.

Hirudoid forte cream diurut ke dalam kulit secara berpatutan. Krim ini disapukan dengan berhati-hati di kawasan yang terlibat bagi kes keradangan yang menyakitkan. Hirudoid forte cream juga sesuai untuk krim *dressing*.

Langkah terapeutik utama yang perlu diambil untuk radang urat darah permukaan kaki yang lebih rendah adalah rawatan mampatan.

- Bila perlu digunakan

2-3 kali sehari. Ia boleh digunakan lebih kerap jika diperlukan.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Hirudoid Forte Cream mengikut cadangan doktor anda.

Tempoh rawatan biasa untuk kecederaan fizikal tumpul (trauma) adalah sehingga 10 hari dan satu hingga dua minggu untuk keradangan urat darah permukaan dan dua hingga enam minggu untuk vena varikos.

Sila berbincang dengan doktor anda jika anda mendapati kesan Hirudoid forte cream terlalu kuat atau terlalu lemah.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Walau bagaimanapun, jika ia hampir masa untuk aplikasi seterusnya, abaikan aplikasi yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesai. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Kelebihan dos Hirudoid forte cream tidak diketahui apabila ia digunakan seperti yang diarahkan. Jika Hirudoid forte cream diambil secara oral dengan tidak sengaja, konstituen aktif yang berlebihan dijangkakan tidak akan menyebabkan apa-apa tanda terlebih dos.

HIRUDOID FORTE CREAM[®]

Mucopolysaccharide polysulphate (445mg)

Semasa menggunakan Hirudoid forte cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Hirudoid forte cream.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Hirudoid forte cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Jangan berikan Hirudoid forte cream kepada kanak-kanak tanpa nasihat doctor kerana kajian penggunaan dan keselamatan kanak-kanak dan remaja tidak dijalankan secara sistematik.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan daripada terkena mata atau membran mukus, luka terbuka dan kulit cedera.

Cetostearyl alcohol dan lemak wol (kandungan dalam Hirudoid Forte Cream) boleh menyebabkan kegatalan kulit serantau (contohnya dermatitis).

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan Hirudoid forte cream boleh menyebabkan kesan sampingan. Namun demikian, bukan semua orang akan mendapat kesan.

- Masalah kulit

Dalam kes-kes individu, tindak balas hipersensitiviti tempatan seperti kemerahan pada kulit, boleh berlaku. Walau bagaimanapun, ia biasanya reda dengan cepat selepas anda berhenti menggunakan produk.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika apa-apa kesan sampingan menjadi semakin serius, atau jika anda notis apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini,

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Hirudoid forte cream

- Penyimpanan

Simpan pada suhu bawah 30 ° C.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim putih, berkilat, seragam dengan bau tertentu.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: Mucopolysaccharide polysulfate

- Bahan tidak aktif: Glyceryl monostearate, Medium-chain triglycerides, Myristyl alcohol, Isopropyl myristate, Bentonite, Isopropyl alcohol, Phenoxyethanol, Imidurea, Perfume oil, Purified water.

- Nombor MAL

MAL13035057XC

Pengilang

166 Moo 16, Bangpa-In Industrial Estate, Udomsorayuth Road, Bangpa-In District, Ayutthaya Province, , THAILAND

Pemegang Pendaftaran Produk

DKSH Malaysia Sdn Bhd
B-11-01, The Ascent, Paradigm
No.1, Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/05/2017

Nombor Siri

BPFK(R4/1)08052017/00095